



Dengan segala hormatnya bagi pihak warga Universiti Malaya kami ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas jasa dan bakti serta kepimpinan yang terserlah sehingga Malaysia dihormati di persada antarabangsa.

Sesungguhnya Y.A.B. Dato' Seri telah membuktikan bahawa Malaysia berkeupayaan untuk mencapai berbagai mercu tanda jikalau rakyatnya bekerja keras dan mempunyai keinginan yang tinggi untuk berjaya.

Kami mendoakan Y.A.B. Dato' Seri dan Y.A.Bhg Datin Seri Dr. Siti Hasmah sekeluarga sentiasa sihat walafiat dan selamat sejahtera di dalam perlindungan Allah s.w.t.

**UM 31/10/2003 - 62 PRECISE  
MAHATHIR MOHAMAD  
PERDANA MENTERI**

Dalam kebimbangan, Tuan meneroka.  
Dalam himpitan, Tuan bersuara.  
Dalam kesulitan, Tuan mara.

Tuan punya usia, terjaga  
sejak remaja.  
Tuan melewati remaja  
serba terduga.  
Pengalaman mengajar Tuan.

Tuan punya secangkir penawar,  
buat mereda kebimbangan,  
buat menyanggah himpitan,  
buat mengubati kesengsaraan.

Tuan umpama setinggi,  
membawa bauan semerbak wangi.

Maka negara pun menjadi taman pelangi.

Salam sejahtera Perdana Menteri,  
Tuanlah wira negara.  
seluruh rakyat beriman  
mendoakan Tuan sejahtera.

Selamat berbahagia Perdana Menteri,  
kita kehilangan Tuan.

Hashim Yaacob  
Naib Canselor  
Universiti Malaya

*Ikhlas Daripada:*



NAIB CANSELOR DAN SELURUH WARGA  
UNIVERSITI MALAYA